

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

PERTANDINGAN RENTAK TRADISI GAMATKAN MALAM KITAI DI UiTM MUKAH

Penulis: Muhammad Anas Abdul Razak


Mukah, 10 Mei 2025 – Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala telah menganjurkan Pertandingan Rentak Tradisi peringkat UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah yang berlangsung dengan meriah di Dewan Sri Balau. Program ini merupakan antara pengisian utama dalam acara tahunan *Malam Kitai*, yang bertujuan mengetengahkan keunikan budaya pelbagai bangsa di Sarawak. Inisiatif ini bertujuan mencungkil bakat baharu dalam kalangan mahasiswa serta melahirkan pelapis seni tari yang berpotensi untuk mengangkat warisan budaya ke peringkat yang lebih tinggi. Sambutan menggalakkan daripada para mahasiswa jelas menunjukkan bahawa rentak tradisi masih relevan dan terus mendapat tempat dalam hati generasi muda.

Sebanyak lapan kumpulan telah mengambil bahagian dalam pertandingan edisi kali ini. Sebelum acara bermula, satu taklimat khas telah diadakan untuk memastikan semua peserta memahami format serta peraturan pertandingan. Panel juri jemputan terdiri daripada dua tokoh berpengalaman dalam bidang kebudayaan, iaitu Adline Teo dan Larry Walter Brauh, yang memainkan peranan penting dalam menilai kreativiti, teknik dan penghayatan para peserta.

Pertandingan ini menyaksikan kemenangan gemilang oleh Muhammad Danish Asyraaf bin Nadiman, pelajar semester satu dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Kampus Mukah. Persembahan beliau yang bertenaga menerusi tarian 1 Malaysia telah memukau para juri dan penonton, sekaligus menobatkannya sebagai juara pertandingan.

Penganjuran Pertandingan Rentak Tradisi ini bukan sahaja membuktikan kebolehan mahasiswa UiTM Kampus Mukah dalam bidang seni persembahan, malah turut menjadi platform penting dalam melahirkan pemimpin muda yang kreatif, berdisiplin dan berwibawa.

Acara ini dijangka akan diteruskan pada tahun 2026, sejajar dengan komitmen Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala untuk terus melestarikan seni budaya serta melahirkan lebih ramai penari kebudayaan yang berkualiti tinggi di peringkat kampus mahupun kebangsaan.



Poster hebahan program

